

23/09/1997

HDA kurangkan kegiatan

KUALA LUMPUR, Isnin - Persatuan Pemaju Perumahan (HDA) akan mengeluarkan notis kepada 600 ahlinya supaya mengurangkan kegiatan yang boleh menyumbang kepada suasana berjerebu lebih buruk.

Setiausaha Agungnya, Zainal Abidin Zainuddin, berkata notis itu akan dihantar kepada semua ahli secepat mungkin bagi memastikan mereka mematuhi arahan kerajaan.

Semalam Dr Mahathir mengarahkan kerja tanah, terutama di kawasan pembinaan dikurangkan dan mereka yang mengendalikan kerja itu hendaklah membasahkan tanah supaya habuk tidak naik ke udara.

Zainal Abidin berkata, walaupun setakat ini HDA belum lagi menerima sebarang aduan mengenai kegiatan ahlinya yang menyumbang kepada peningkatan Indeks Pencemar Udara (API), langkah segera perlu diambil bagi memastikan ahli mematuhi arahan kerajaan itu.

"Pemaju mengetahui garis panduan yang ditetapkan dalam Kajian Alam Sekitar (EIA). Setakat ini mereka mengikuti garis panduan itu dengan melakukan penyemburan air di jalan atau di tapak binaan serta kuari bagi mengelakkan suasana berdebu yang menjadi antara penyumbang utama peningkatan tahap bacaan API," katanya.

(END)